

PENGENDALIAN SAKSI DI MAHKAMAH SYARIAH: KAJIAN TERHADAP CABARAN PELAKSANAAN TEORI DAN AMALAN

Azizah Mohd Rapini

Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah Dengan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
azizah@kuis.edu.my

Abstrak

Profesional kehakiman dan guaman syarie memerlukan kemahiran yang sangat tinggi meliputi pelbagai aspek yang bukan hanya tertumpu kepada kemahiran merujuk sumber perundangan sama ada statut atau rujukan hukum syarak. Oleh kerana saksi merupakan pihak yang sangat penting dalam prosiding mal dan jenayah syariah, pengamal undang-undang memerlukan kemahiran mengendalikan segala proses yang melibatkan saksi sama ada dalam proses pra bicara dan proses semasa perbicaraan dijalankan. Mereka tidak boleh meletakkan harapan yang sangat tinggi terhadap saksi untuk proses memberikan keterangan di mahkamah supaya selari dengan prinsip undang-undang sama ada dalam statut atau pun prinsip hukum syarak. Ini disebabkan kebanyakan saksi yang di bawa oleh pihak-pihak dalam kes tidak menepati syarat atau kriteria saksi seperti yang ditetapkan dalam statut berkaitan dan hukum syarak seperti yang dibahaskan dalam kitab-kitab fiqh. Kajian ini merupakan kajian lapangan berdasarkan temubual dan observasi di mahkamah syariah tentang cabaran para pengamal undang-undang dalam mengendalikan saksi-saksi yang dibawa oleh pihak-pihak dalam kes mereka. Kajian ini juga melihat sejauh mana amalan dan pendekatan pengamal undang-undang dalam mengharmonikan teori dan prinsip perundangan berkaitan dengan realiti kes serta saksi yang mereka terima. Kajian awal mendapati, teori dan prinsip undang-undang berkaitan kesaksian, termasuklan ciri dan kriteria saksi agak sukar dipenuhi memandangkan pihak-pihak dalam kes diberikan kelonggaran serta kebebasan untuk membawa sesiapa sahaja sebagai saksi asalkan boleh memberikan keterangan berkaitan fakta-fakta yang menjadi isu dalam kes tersebut.

Kata kunci: saksi, pengamal undang-undang syariah, prosiding, *syahadah*

1.0 PENDAHULUAN

Saksi ialah pihak yang boleh memberikan keterangan kerana dipercayai mengetahui fakta tentang sesuatu kejadian dan keterangan itu sama ada dalam bentuk *syahadah*, jika menepati syarat-syarat syaratnya atau pun hanya diterima sebagai *bayyinah* (keterangan bersifat umum tanpa terikat dengan syarat-syarat *syahadah*) (Siti Zubaidah, 2016). Saksi dipanggil bagi pihak plantif atau defendant dalam kes mal dan bagi pihak pendakwa syariae atau tertuduh dalam kes jenayah di mahkamah syariah. Saksi-saksi perlu memahami atau diberi kefahaman melalui ‘briefing’ oleh pendakwa syarie atau peguam syarie tentang amanah dan tanggunjawabnya sebagai saksi untuk berkata benar serta tidak menipu atau menyembunyikan kesaksian. Peringatan Islam kepada saksi telah dijelaskan dalam Sural al-Baqarah yang maksudnya:

‘Dan janganlah saksi-saksi itu enggan apabila dipanggil menjadi saksi.’

(Surah al-Baqarah 2: 282)

‘Dan janganlah saksi-saksi menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu dan sesiapa yang menyembunyikan kesaksian maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya.’

(Surah al-Baqarah 2: 283)

Saksi dalam sesuatu prosiding mahkamah mempunyai kaitan rapat dengan keadilan dalam sistem kehakiman Islam kerana keputusan hakim banyak bergantung kepada kekuatan bukti atau keterangan pihak-pihak sama ada keterangan tersebut dalam bentuk saksi atau dokumen. Ini boleh dibuktikan melalui prinsip umum kehakiman yang terkandung dalam firman Allah SWT :

Wahai orang-orang Yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang Yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa juga) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. dan bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui Dengan mendalam akan apa Yang kamu lakukan.

(Surah al-Maidah 5:8)

Oleh kerana kebiasaan saksi yang dikemukakan kebanyakannya dibawa sendiri oleh pihak-pihak dan tidak semestinya mengetahui secara mendalam tentang peranan, tanggungjawab serta selok belok prosiding mahkamah, peranan peguam syarie (atau pendakwa syarie dalam kes jenayah) adalah sangat penting kerana proses memberikan keterangan oleh saksi-saksi tersebut banyak bergantung kepada kemahiran mereka serta cara pengendalian saksi yang efisien dan efektif.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Ulama kontemporari seperti Wahbah al-Zuhaili (1997) dan Ahmad Fathi Bahnasi (1983) telah mengkategorikan syarat-syarat saksi kepada beberapa kategori, iaitu syarat penerimaan (*shurut tahammul*) dan syarat penyampaian (*shurut al-ada*) sebagai garis panduan untuk membezakan mana saksi yang betul-betul layak memberikan keterangan atau sebaliknya. Syarat penyampaian melibatkan keupayaan untuk mengemukakan keterangan berdasarkan ketetapan hukum syarak (Bahnasi, 1983). Ulama berbeza pendapat tentang bilangan atau perincian terhadap syarat tersebut berdasarkan kefahaman mereka terhadap nas-nas atau dalil-dalil syarak. Walau bagaimanapun secara umumnya perbezaan tersebut tidaklah begitu ketara kerana syarat-syarat umum yang dibincangkan tidak jauh berbeza bilangannya di antara satu sama lain.

Muhammad al-Zuhayli (2008) merumuskan bahawa syarat-syarat yang banyak seperti yang telah dibincangkan oleh fukaha adalah bertujuan untuk menjamin kesahihan keterangan dan sebagai langkah berhati-hati di samping untuk mengelak dari timbulnya tohmah serta keraguan. Syarat-syarat tersebut ialah, saksi mestilah seorang Islam, baligh, berakal, merdeka, bijak, boleh bercakap, sedar, mengetahui apa yang dipersaksikan, bersifat adil iaitu menjauhi dosa besar dan tidak berterusan melakukan dosa kecil, menjaga maruah dengan memiliki akhlak serta budi pekerti mulia, bukan orang yang pernah dijatuhkan hukuman *had qazaf*, bukan dari kalangan kaum keluarga yang mempunyai tohmah atau kepentingan, tiada hubungan perseteruan atau perkongsian niaga, penyaksian berlaku secara langsung melainkan perkara-perkara yang boleh menerima kesaksian dengar cakap seperti kes perkahwinan,

nasab, kematian, perlantikan hakim dan juga kes wakaf. Syarat-syarat tersebut tidak banyak berbezaan dengan ulama kontemporari yang lain seperti Wahbah al-Zuhayli (1997:6035) dan ‘Abdul Karim Zaydan (1983:174). Cuma Ahmad Fathi Bahnasi yang menambah satu lagi syarat sukarela sebagai salah satu aspek yang penting dalam penyampaian kesaksian (1983:58).

Kajian ini, walau bagaimanapun hanya akan menumpukan perhatian kepada syarat saksi secara umum dan sejauh mana syarat-syarat tersebut diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berhasrat mengemukakan saksi bagi kesnya. Kajian ini juga akan melihat sama ada kejayaan pihak-pihak dalam satu kes mempunyai kaitan rapat dengan syarat-syarat tersebut atau pun sama ada ia banyak bergantung kepada cara pihak-pihak atau peguam syarie mengendalikan saksi-saksi di mahkamah dengan kreatif, efisien dan efektif, bukan sekadar melihat sama ada saksi-saksi tersebut memenuhi syarat atau tidak .

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti cabaran profesion guaman dan kehakiman syarie di Malaysia dalam mengendalikan saksi-saksi di mahkamah. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti pendekatan yang digunakan oleh pengamal-pengamal undang-undang syariah di Malaysia dalam mengharmonikan teori perundangan dan realiti semasa berkaitan saksi dalam prosiding mahkamah sama ada kes mal atau jenayah.

4.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini diharapkan akan membantu para pengamal undang-undang membina kemahiran mengendalikan saksi-saksi dari pelbagai latar belakang supaya kesnya dapat dibawa dengan berkesan dalam semua peringkat perbicaraan di mahkamah syariah.

Kajian ini juga penting dalam sumbangan bidang pendidikan undang-undang melalui semakan kurikulum di bawah standard undang-undang syariah terhadap kursus-kursus berkaitan yang memberikan pendedahan awal kepada bakal-bakal graduan sebagai persediaan mereka sebelum beramat sebagai peguam syarie atau pegawai syariah.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi sumbangan intelektual dalam bidang keterangan dan kehakiman Islam serta membuka ruang kajian seterusnya terhadap isu-isu yang akan dibincangkan supaya bidang ini akan lebih diterokai ke arah penambahbaikan sistem pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif lapangan yang melibatkan dua metode utama pengumpulan data iaitu metode temubual dan observasi. Metode temubual beberapa protokol temubual berstruktur (Othman Lebar, 2007) dengan beberapa informan dan responden-responden yang mewakili wakil-wakil Jabatan Kehakiman Syariah dan wakil-wakil peguam syarie negeri-negeri yang terpilih, melalui soalan-soalan yang telah disusun terlebih dahulu bagi mendapatkan maklumat tentang pendekatan yang digunakan oleh mahkamah syariah dalam mengaplikasi konsep kesaksian serta sumber amalan yang digunakan. Dapatkan kajian melalui sumber ini dicatat , direkod, ditranskripsikan serta dibersihkan sebelum kerja-kerja analisis data dilakukan (Suseela Malakolunthu, 2013).

Pemilihan responen bagi tujuan temubual ini secara umumnya menggunakan kaedah persampelan secara bertujuan (Othman Lebar, 2007) atau persampelan purposif (Azizi Yahya, 2007) bagi mendapatkan maklumat yang sangat diperlukan supaya gambaran sebenar penggunaan konsep *syahadah* di mahkamah syariah boleh diakses. Pemilihan negeri-negeri untuk mendapatkan data temubual dipilih berdasarkan latar belakang sejarah penggubalan statut keterangan syariah seperti di Kedah sebagai negeri pertama menggubal statut keterangan mahkamah syariah dan Wilayah Persekutuan melalui AKMS yang pernah dijadikan model penggubalan atau pindaan terkini statut keterangan mahkamah syariah. Pemilihan juga dibuat berdasarkan status JKSM negeri sama ada dalam kategori negeri ‘gunasama’ seperti Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Sabah atau ‘tidak gunasama’ seperti Kelantan, Perak, Johor dan Kedah. Secara kesimpulannya pemilihan negeri bagi mendapatkan maklumat aplikasi syahadah melalui statut negeri masing-masing adalah menggunakan kaedah persampelan selesa (*convenience sampling*) bagi memudahkan penyelidik mendapatkan maklumat (Azizi Yahya, 2007) mengikut kategori sampel yang berbeza berdasarkan perbezaan latar belakang penggubalan statut-statut dan status negeri tersebut. Kedua-dua perbezaan tersebut sedikit sebanyak memperlihatkan beberapa perbezaan walaupun tidak bersifat major.

Metode observasi juga digunakan bagi melihat ‘*trend*’ atau kaedah semasa yang digunakan di mahkamah syariah dalam prosiding yang melibatkan pengambilan keterangan saksi sama ada dalam kes mal atau kes jenayah (Othman Lebar, 2007). Seperti juga dengan data temubual, data observasi juga direkodkan dalam bentuk catatan harian kemudian disusun semula secara manual sebelum dianalisis.

Oleh kerana kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya, kebanyakan data dianalisis secara induktif dan komparatif melalui rumusan dari data-data yang diperolehi melalui temubual dan observasi.

6.0 SYARAT SAKSI MENURUT UNDANG-UNDANG KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

Syarat-syarat saksi dalam statut keterangan mahkamah syariah (SKMS) negeri-negeri di Malaysia diperuntukkan dalam seksyen 83 (1) kecuali bagi negeri Perak melalui seksyen 87 (1). Peruntukan tersebut menggunakan bahasa dan konotasi yang sama melainkan EKMS Negeri Perak 2004, EKMS (Negeri Sembilan) 2003 dan EKMS (Negeri Melaka) 2002 tetapi perbezaan tidaklah begitu ketara. Secara umumnya peruntukan tersebut ialah:

Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, semua orang Islam adalah kompeten untuk memberikan *syahadah* atau *Bayyinah* sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah ‘*aqil, baligh, adil*, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.

Huraian- Seseorang Islam adalah disifatkan ‘*adil* jika dia menunaikan obligasi agamanya, melaksanakan kewajipan agama yang ditetapkan, menahan diri daripada melakukan dosa besar dan tidak menerus melakukan dosa kecil.

Daripada peruntukan di atas, terdapat enam sahaja syarat saksi yang dijelaskan secara langsung untuk diterima keterangannya sebagai *syahadah* iaitu saksi mestilah beragama Islam, ‘*aqil* (berakal), *baligh*, ‘*adil*, mempunyai ingatan yang baik atau *dabit* dan tidak berprasangka atau istilah yang biasa digunakan dalam kitab-kitab fiqh sebagai tiada tohmah. Untuk melengkapkan lagi syarat tersebut supaya lebih jelas, peruntukan yang yang sama

telah memberikan konsep atau takrifan ‘*adil*’ dalam huraian seksyen berkaitan sebagai orang yang mempunyai ciri-ciri khusus menggambarkan nilai keagamaan dan akhlak yang tinggi iaitu dengan menunaikan obligasi agamanya, melaksanakan kewajipan agama yang ditetapkan, menahan diri daripada melakukan dosa besar dan tidak terus menerus melakukan dosa kecil.

Selain dari enam syarat di atas, SKMS melalui seksyen 84 telah memperuntukkan satu lagi syarat iaitu saksi mestilah boleh bercakap tetapi diperuntukkan secara tidak langsung melalui maksud yang tersirat apabila keterangan saksi yang tidak dapat bercakap atau saksi bisu hanya diterima sebagai *bayyinah*, bukan *syahadah*. Peruntukan tersebut adalah:

- (a) Seseorang saksi yang tidak dapat bercakap boleh memberikan *bayyinahnya* mengikut apa-apa cara yang menjadikannya boleh difahami seperti dengan tulisan atau dengan isyarat.
- (b) *Bayyinah* yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah diberikan di dalam Mahkamah terbuka.

Keenam-enam syarat *syahadah* yang diperuntukan secara nyata atau tersirat dalam SKMS secara umumnya adalah selari dengan syarat-syarat yang digariskan oleh kebanyakan ulama mazhab Shafi’i serta majoriti ulama dari mazhab yang lain seperti al-Dasuqi (t.t), Ibnu Qudama (1994) dan al-Kasani (t.t).

Selain daripada syarat-syarat yang disebutkan di atas, ketidakterimaan keterangan saksi sebagai *syahadah* bagi saksi bukan Islam untuk orang Islam, keterangan orang yang tidak ‘*adil*’, keterangan orang yang belum baligh, keterangan orang yang tidak sempurna akal, keterangan orang yang lemah ingatan, keterangan orang yang kebolehpercayaannya diragui kerana hubungan baik atau buruk dan keterangan ibu bapa atau anak kepada anak atau ibu bapa serta keterangan orang yang bisu juga selari dengan pendangan mazhab Shafi’i sama ada melalui kitab utama al-Umm karangan Imam Shafi’i (2009) sendiri mahu pun ulama mazhab Shafi’i yang lain yang memang tidak menerima keterangan-keterangan tersebut sebagai *syahadah*.

Penulisan fiqh kontemporari seperti Wahbah Zuhayli (1997) dan ‘Abdul Karim Zaydan (1983) juga telah merumuskan syarat-syarat saksi yang sama dengan ketujuh-tujuh syarat yang boleh dirumuskan dalam SKMS iaitu berakal, baligh, beragama Islam, boleh bercakap, ‘*adil*’ dan tiada tohmah, termasuk ketidakterimaan keterangan di antara suami dan isteri, melainkan syarat merdeka dan boleh melihat yang tidak ada dalam SKMS. Juga takrifan ‘*adil*’ yang mempunyai konsep yang sama dengan SKMS iaitu menjauhi dosa besar dan tidak terus menerus melakukan dosa kecil.

7.0 PENGENDALIAN SAKSI DI MAHKAMAH SYARIAH

Pengamal undang-undang syariah atau peguam syarie (begitu juga pendakwa syarie) sangat memainkan peranan dalam proses mengendalikan saksi bagi tujuan memberi keterangan supaya proses perbicaraan berjalan dengan lancar. Mereka berperanan untuk mengemukakan keterangan dan memberikan bukti mengikut prinsip-prinsip beban dan tahap pembuktian yang sesuai dengan kes. Selain dari mengambil perhatian kepada syarat-syarat saksi seperti yang terdapat dalam statut keterangan mahkamah syariah (SKMS) dan hukum syarak, terdapat beberapa langkah atau perkara-perkara yang lain perlu diambil perhatian oleh para peguam walau pun tidak begitu dibincangkan oleh ulama fiqh. Langkah-langkah tersebut lebih banyak bergantung kepada persediaan dan kemahiran seseorang peguam untuk membantu kelancaran proses dan prosiding di mahkamah melalui perbicaraan yang adil.

Dalam prosiding di mahkamah syariah yang mengaplikasikan kaedah yang sama dengan mahkamah sivil melalui sistem adversarial, saksi pihak-pihak akan melalui proses yang sama dengan proses yang dilalui oleh pihak-pihak dalam kes dalam memberikan keterangan iaitu pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh Peguam Syarie pihak-pihak sebelum peringkat mengambil keterangan saksi dalam perbicaraan bermula (Mohd Nadzri, 2011) iaitu :

- (a) Memanggil saksi untuk memberi keterangan setelah meminta izin daripada mahkamah
- (b) Membiasakan saksi dengan soalan-soalan yang akan ditanya dalam proses memberi keterangan atau ‘briefing’ bagi mengelakkan saksi gugup
- (c) Memandu soalan saksi tanpa memimpin supaya saksi boleh memberikan kerjasama dengan baik semasa memberikan keterangan
- (d) Memberi ruang kepada saksi memberi keterangan dengan bahasanya sendiri sesuai dengan latar belakang saksi
- (e) Menggunakan ayat yang mudah difahami dalam soalan-soalan
- (f) Menjaga aib dan isu sensitif bila mengemukakan soal balas kepada saksi pihak lawan

Dalam penulisan yang lain Mohd Nadzri (2015) menjelaskan kemenangan seseorang dalam sesuatu kes banyak bergantung kepada kemahirannya mengendalikan proses pemeriksaan utama saksi dengan efektif supaya keterangan saksi benar-benar boleh menyokong kes dan meyakinkan mahkamah walau pun peringkat tersebut merupakan peringkat yang agak hambar dan sedikit membosankan. Peguam syarie perlu bersifat kreatif dan proaktif dalam memainkan peranannya sebagai watak utama dalam perbicaraan membentuk penceritaan yang jelas mengikut kronologi dan menampakkan klimaks cerita melalui pengemukaan isu-isu utama serta mengenepikan bahagian yang tidak penting.

8.0 DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kajian melalui temubual, kebanyakan pengamal undang-undang syariah atau peguam syarie tidak bersikap ‘rigid’ dalam menerima saksi-saksi yang dibawa oleh kelayan/anakguam (*client*) mereka. Pendekatan yang digunakan lebih bersifat terbuka dan bersedia dengan siapa sahaja saksi yang boleh atau mampu dibawa oleh anakguam masing-masing asalkan saksi boleh memberikan kerjasama dalam perbicaraan. Pendekatan paling efisien dan efektif kebanyaknya para pengamal undang-undang ialah dengan menyediakan keterangan sokongan seperti keterangan dokumen bagi menyokong kes serta mengukuhkan keterangan saksi (Temubual/Johor, 2015). Berpegang kepada prinsip ‘bawa siapa sahaja saksi selebihnya terpulang kepada hakim dan terpulang kepada pihak lawan untuk pertikai’ di kalangan pengamal undang-undang syariah (Temubual/ Wilayah Persekutuan, 2016) banyak dipengaruhi oleh konsep *bayyinah* yang dibawa oleh Ibnu Qayyim al-Jawziyyah dan diserapkan dalam SKMS untuk memberi ruang sebarang bentuk bentuk keterangan yang boleh membantu sistem kehakiman tanpa meletakkan limitasi keterangan kepada *syahadah* sahaja. Walau bagaimanapun terdapat juga pengamal yang agak berhati-hati dalam membawa saksi kanak-kanak yang terhad kepada kes hadanah sahaja atas dasar kemaslahan kanak-kanak tersebut dari rasa kurang selesa atau teraniaya dengan asakan soala-soalan peguam syarie (Temubual/Selangor , 2016). Dengan berpegang kepada konsep *bayyinah*, keterangan saksi bukan Islam, saksi yang mempunyai tohmah hubungan kekeluargaan atau saksi lain yang tidak memenuhi syarat *syahadah* sepenuhnya, selain kanak-kanak, tetap diterima oleh para pengamal undang-undang syariah untuk dibawa sebagai saksi anakguamnya.

Walau bagaimanapun, bagi mempastikan proses pemeriksaan saksi dan perbicaraan berjalan lancar, pengamal undang-undang syariah atau peguam syarie di Malaysia mengambil beberapa langkah sekiranya didapati saksi yang dibawa oleh anakguam mereka tidak sesuai atau tidak layak atau diyakini tidak dapat memberikan kerjasama dalam perbicaraan melalui:

- (a) Sikap berhati-hati dengan saksi dengar cakap
- (b) Tidak membawa saksi tersebut untuk perbicaraan
- (c) Meminta anak guam cari saksi lain
- (d) Memohon kepada mahkamah untuk tambah saksi
- (e) Memohon kepada mahkamah tarikh lain untuk perbicaraan untuk keterangan yang lain

Selain dari langkah berhati-hati peguam menerima cadangan saksi dari anakguam, kebiasannya mereka mengambil langkah proaktif bagi mempastikan saksi yang dibawa oleh anakguam boleh memberikan kerjasama dengan baik semasa prosiding dengan langkah-langkah berikut:

- (a) Temuduga saksi
- (b) Memaklumkan kepada saksi keperluan, persediaan dan prosedur berkaitan (*briefing*)
- (c) Memandu saksi semasa proses memberikan keterangan dengan teknik soalan yang mudah
- (d) Meminta saksi mencatat isu-isu penting
- (e) Menerangkan kepada saksi kepentingan, tujuan, amanah, hukum dan rasional menjadi saksi
- (f) Menasihatkan saksi supaya tidak berbohong
- (g) Sentiasa membina kemahiran kepeguanan dan mengambil pengalaman peguam senior

Walaupun kebiasaanya para pengamal atau peguam mengambil langkah-langkah perlu sebagai persediaan untuk proses pemeriksaan saksi, risiko dan cabaran tetap wujud semasa perbicaraan yang kebiasaannya melibatkan perkara-perkara berikut:

- (a) Keterangan dengar cakap
- (b) Bilangan saksi tidak mencukupi
- (c) Status saksi tohmah
- (d) Saksi tidak mengetahui fakta kes atau tidak mampu mengingat fakta berkaitan
- (e) Saksi dari kalangan penjawat awam yang sibuk
- (f) Saksi pakar yang melibatkan banyak prosedur dan bayaran
- (g) Saksi penting enggan beri keterangan
- (h) Saksi emosi semasa perbicaraan atau saksi panik
- (i) Saksi gugup dan gagap
- (j) Saksi tidak menjawab soalan atau diam atau tidak memahami soalan
- (k) Saksi tidak konsisten
- (l) Kebanyakan saksi adalah wanita

Bagi mengatasi risiko atau masalah saksi-saksi seperti di atas, terutama saksi yang gagal memberikan keterangan dengan baik, peguam syarie kebiasaannya akan mengambil langkah-langkah perlu untuk melancarkan perjalanan kes dengan kaedah-kaedah berikut:

- (a) Memohon penangguhan kes
- (b) Memohon untuk mencari saksi lain
- (c) Cuba membantu dan memandu saksi selagi boleh
- (d) Mengulang soalan atau berhenti mengemukakan soalan atau meminta saksi menjawab dengan ringkas

9.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

Selain keperluan mengetahui prinsip-prinsip hukum syarak berkaitan sistem kehakiman dan keterangan Islam dan selain memiliki kemahiran merujuk dan menggunakan sumber perundangan berkaitan, para pengamal undang-undang syariah perlu juga memiliki kemahiran memahami kerentan manusia sekeliling supaya mereka sentiasa bersedia dengan siapa sahaja anak guam yang datang kepadanya dan saksi-saksi yang dibawa bagi menyokong kesnya.

Berdasarkan kajian dan dapatan di atas, boleh disimpulkan bahawa pengamal undang-undang syariah di Malaysia berpegang kepada prinsip *bayyinah* dalam keterbukaan sikap menerima siapa sahaja saksi yang dibawa oleh anak guam masing-masing walaupun tidak memenuhi syarak *syahadah* sepenuhnya. Kemahiran mengharmonikan prinsip kesaksian menurut hukum syarak, keperluan mematuhi peruntukan statut berkaitan dengan kaedah pengendalian saksi mengikut kreativiti dan sikap proaktif pengamal itu sendiri dapat membantu mereka dan mahkamah syariah sendiri mengendalikan perbicaraan dengan lancar dan boleh diputuskan dalam tempoh yang telah dipiagamkan.

Dalam hal ini, penulis bersetuju dengan pandangan kebanyakan hakim syarie di Malaysia bahawa kelancaran perjalanan sesuatu kes banyak bergantung kepada kemahiran, kecekapan, sikap dan personaliti peguam itu sendiri dalam mengendalikan kesnya kerana hakim hanya bertindak dalam ruang lingkup yang terbatas dengan mendengar dan mempertimbangkan keterangan serta hujak pihak-pihak dalam kes (Temubual/Wilayah Persekutuan, 2015 & Temubual/Kedah, 2015). Selebihnya, peguam atau pengamal undang-undanglah yang memainkan peranan dan watak utama prosiding bermula dari peringkat pra bicara, perbicaraan, penyediaan hujah, sebarang permohonan selepas keputusan hakim seperti rayuan atau permohonan penguatkuasaan perintah mahkamah.

Ibnu al-Qayyim dalam kitabnya *al-Turuq al-Hukmiyyah Fi Siyasah al-Shari'iyah* (2002) dalam menjelaskan di antara pra-syarat menjadi seorang hakim/pegawai mahkamah (peguam syarie juga dianggap sebagai pegawai mahkamah), selain dari mempunyai pengetahuan mendalam tentang fiqh, kaedah-kaedah pembuktian dan ilmu yang berkaitan dengan masyarakat atau sosiologi, dia juga mesti mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang hikmah-hikmah syariah atau objektif syariah atau dikenali sebagai *maqasid al-shariah* yang secara umumnya adalah untuk mencapai kemaslahatan hidup di dunia dan di akhirat dan untuk mencapai keadilan. Dalam kitabnya yang lain, *I'lam al-Muwaqi'in* (2002), beliau juga menegaskan bahawa hakim yang adil bukan setakat menghukum berdasarkan hukum syarak tetapi juga menghukum dengan mengambil kira objektif syariah atau pun maslahah.

Oleh yang demikian, selain memiliki kemahiran fizikal pengendalian saksi dan pengendalian kes di mahkamah syariah, seorang pengamal undang-undang juga perlu menjadikan *maqasid syariah* sebagai salah satu dasar kerja dengan meletakkan kemaslahatan anak guam sebagai prioriti dan bukan kerana keuntungan material semata-mata. Dengan meletakkan kemaslahatan anakguam sebagai keutamaan, seseorang pengamal undang-undang akan sentiasa berusaha membantu dan berhati-hati dari sebarang risiko kemudaratan termasuklah dalam mengendalikan saksi-saksi yang akan menyokong kes anakguamnya.

10.0 BIBLIOGRAFI

- ‘Abdul Karim Zaydan. (1983).*Nizam a-Qada’*.Baghdad: Matb’ah al-Ma’ani.
‘Alauddin Abi Bakr Bin Mas’ud al-Kasani al-Hanafi.(t.t). *Badai’ al-Sanai’ Fi Tartib al-Sharai’*. Kaherah: Matba’ah al-Imam.

- Abi Ishaq Ibrahim al-Shirazi.(1995). *al-Muhadhab*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Abi Bakr ‘Uthman Bin Muhammad Shatta al-Dimyati al-Bakri.1995. *I’anah al-Talibin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad ‘Abdul Mun’im al-Bahai.(1965). *Min Turuq al-Ithbat Fi al-Shari’ah wa fi al-Qanun*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Ahmad Fathi Bahnasi (1983). *Nazariyat al-Ithbat Fi al-Fiqh al-Jina’i al-Islami*.Beirut: Dar al-Shuruq.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. (2000). *The Administratioan Of Islamic Laws in Malaysia* Kuala Lumpur: IKIM.
- Amir Husin Mohd Nor, Zuliza Kusrin & Che Maryam Ahmad, “ Kesaksian Dalam Undang-undang Keterangan Islam” dalam Siti Zalikhah Md. Nor et al (2006) *Al-Syariah Jilid 3: Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Al-Dasuqi, Muhammad ‘Arfah (t.t) *Hashiyah al-Dasuqi ‘ala al-sharh al-Kabir*. Isa al-Babi al-Halabi wa Shirkat.
- Al-Dimyati, Abi Bakr Uthman Bin Muhammad Shatta (1995) *Hashiyah al-I’anah al-Talibin*. Beirut:Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Kasani, ‘Alauddin Abi Bakr bin Mas’ud (t.t). *Bada’i’ al-Sanai’ Fi Tartib al-Sharai’*. Kaherah: Matba’ah al-Imam)
- Al-Khatib, Muhammad al-Sharbini.(t.t) *Al-Iqna’*. Juzuk 1. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Ramli, Shamsuddin Muhammad Bin Abi al’Abbas (1984). *Nihayatul Muhtaj Ila Sharhi al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Shafi’i, Abi ‘Abdillah Muhammad Bin Idris.(2009). *Al-Umm*. Jilid ke-5. Beirut: Dar al-Fiqh.
- Al-Syarbini, Shamsuddin Muhammad al-Khatib. (2006). *Mughni al-Muhtaj*. Juzuk ke-6. Kaherah: Darul Hadith.
- _____. (t.t) *al-Iqna’*. Beirut: Dar al-Fiqh.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1997).*Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Juzu’ 8. Damsyiq: Dar al-Fikr,1997.
- _____. (1996). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Juzuk ke-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahman Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Burhanuddin Abi al-Hasan ‘Ali bin Abi Bakr al-Farghani al-Marghinani.(t.t) *Al-Hidayah Sharh Bidayah al-Mubtadi*. Jilid ke-2. Beirut: Sharikah Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam.
- Ibnu Farhun. (1301H). *Tab sirah al-Hukkam Fi Usul al-‘Aqdiyyah wa Manahij al-Ahkam*. Jilid ke-2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibnu Hazm.(1984) *al-Muhalla bi a-Athar*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibnu al-Humam.(1995). *Sharhu Fathul Qadir*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah.(2002). *Al-Turuq al-Hukmiyyah Fi al-Siyasah al-Shari’iyah*. Kaherah: Darul Hadith.
- _____. (2002). *I’lam al-Muwaqi’in*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibnu Kathir (1996) *Tafsir Ibnu Kathir*.Beirut: Dar al-Ihya’ al-Turath.
- Ibnu Qudama (1994). *al-Mughni wa Sharhu al-Kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Rushd. (2009).*Sharh Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Jilid ke-4. Kaherah: Dar al-Salam.
- Hamid Jusoh.(2007). *Tazkiyah al-Syuhud* dalam Nasimah Hussin et. al. *Undang-undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*. Jil. Ke-13. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan. Ed. Ke-3. (1995).Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Mahmud Saedon Awang Othman. (1991). *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- _____. “Pendekatan Siyasah Syar’iyyah Dalam Pentadbiran Negara”, *Jurnal Undang-undang IKIM* 4, no. 1 (Januari-Jun 2000), m.s.81.
- _____.(1996). *Institusi Pentadbiran Undang-undang Dan Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- _____. (1995).“Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah:Satu Analisis”, Dalam *Undang-undang Keterangan Dan Prosedur di Mahkamah*, ed. Abdul Monir Yaacob.Kuala Lumpur: IKIM, 1995.
- Mohd Nadzri Haji Abdul Rahman Ibrahim (2011). *Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah*. Negeri Sembilan: Karya Kreatif Resources.
- _____.(2015). *Peguam Syarie Dan Litigasi Mal di Mahkamah Syariah*. Negeri Sembilan: Karya Kreatif Resources.
- Muhammad Siraj. (1988). *Usul al-Fiqh al Islami*. Iskandariyah: Mansha’ah al-Ma’arif.
- Muhammad al-Zuhayli (2008). *Fiqhul Qada’ wa al-Da’wa wal Ithbat* .UAE: Jami’ah al-Shariqah.
- Musa Awang. (2015). *Seni Guaman Syarie Siri 1*, Penyunting Zulkarnain Lukman & Fakhru Abu Hasan. Kuala Lumpur: Persatuan Peguam Syarie Malaysia.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan Kualitatif*. Tanjung Malim: Penerbitan UPSI.
- The Mejelle*. (2006). terj. C.R. Tyser. D.G. Demetriades & Ismail Haqqi Effendi. Petaling Jaya: The Other Press.
- Qanun-E-Shahadat Pakistan 1984*
- Ruzman Md. Noor. “Kajian Semula Terhadap Undang-undang Keterangan Islam”. Prosiding Seminar Semakan Semula Korpus Undang-undang Islam di Malaysia: Keperluan Dan Cabaran, IKIM. 1-2 April 2008.April 1-2, 2008 .
- _____. “Kedudukan Bayyinah, Syahadah dan Qarinah Dalam Penggubalan Undang-undang Keterangan Islam Di Malaysia”, *Jurnal Syariah* 16 (2008):345-366.
- _____. “Kesaksian Dalam Konteks Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia: Analisis Dari Perspektif Mazhab Syafie”, *Jurnal Fiqh* 5 (2008): 143-167.
- Shamsuddin al-Shaikh Muhammad al-Dasuqi (t.t) *Hashiyah al-Dasuqi ‘Ala al-Sharh al-Kabir* .Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Shamsuddin Muhammad Bin Abi al-‘Abbas Ahmad Bin Hamzah Ibnu Shihabuddin al-Ramli. (1984). *Nihayah al-Muhtaj Ila Sharhi al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Siti Zubaidah Ismail. (2016). *Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Statut Keterangan Mahkamah Syariah Negeri-negeri di Malaysia*.
- Suseela Malankolunthu (2013). “Pengumpulan Dan Analisis Data Kualitatif” dalam Marohaini Mohd Yusoff, *Penyelidikan Kualitaif:Pengalaman Kerja Lapangan*. Kuala Lumpur: penerbit Universiti Malaya.
- Taqiyuddin Abi al-Baqi Muhammad Bin Ahmad Ibnu al-Najar al-Fatawhi. (2005). *Sharhu Muntaha al-Iradat*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Temubual Wakil-wakil JKSM Negeri-negeri di Malaysia.
- Temubual Wakil-wakil Peguam Syarie di Malaysia.